



LEMBAGA KOKO MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor / syarikat yang berpengalaman serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / PUKONSA / UPKJ / SPKK / Kementerian Kewangan Malaysia / Pejabat Kewangan Persekutuan (Sabah/Sarawak) dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dibawah dan masih dibenarkan membuat tawaran untuk tender berikut: -

TAJUK	TARAFSYARIKAT / KELAS & PECAHAN KEPALA PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT TENDER & LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
T/LKM/K/4/2023 - KERJA-KERJA PENYAMBUNGAN DAN PEMASANGAN PAIP AIR KE KOMPLEKS KOKO RANAU	- Mempunya Sijil Kontraktor (CIDB) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. - Mempunya sijil taraf Bumiputera yang masih Sah. - Gred G3 Kategori: CE20 (Sistem bekalan air)	Tarikh: 3 JANUARI 2024 (Rabu) Pendaftaran Masa: 9:30 Pagi – 10:30 Pagi Taklimat. Masa: 10.30 Pagi Tempat Taklimat: Pejabat Unit Ranau Lembaga Koko Malaysia, WDT 76, Jalan Lingkudan, 89309 Ranau, Sabah. Kehadiran taklimat tender dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN	Ibu Pejabat Lembaga Koko Malaysia, Tingkat 5, 6 & 7, Wisma SEDCO, Beg Berkunci 211, 88999 Kota Kinabalu, Sabah. / Pejabat Unit Ranau Lembaga Koko Malaysia, WDT 76, Jalan Lingkudan, 89309 Ranau, Sabah. Tarikh: 3 JANUARI 2024 (Rabu) Hingga: 23 JANUARI 2024 (Selasa) (Kehadiran dihadkan kepada dua orang penama sahaja bagi setiap syarikat)	RM100.00 (Tidak Dikembalikan)	Lembaga Koko Malaysia, Tingkat 5, 6 & 7, Wisma SEDCO, Beg Berkunci 211, 88999 Kota Kinabalu, Sabah. Tarikh: 23 JANUARI 2024 (Tidak lewat daripada jam 12:00 tengah hari)

1. Waktu urusan pembelian dan pertanyaan tender adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	8.30 Pagi – 1.00 Petang dan 2.30 Petang – 5.00 Petang
Jumaat	8.30 Pagi – 12.15 Pagi dan 2.45 petang – 5.00 Petang

2. Pendaftaran sesi taklimat dibuka pada jam **9.30 pagi hingga 10.30 pagi**. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender. Kontraktor ataupun Wakil Kontraktor yang hadir ke Taklimat Tender hendaklah membawa bersama Sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan). Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / PUKONSA / UPKJ / SPKK / Kementerian Kewangan Malaysia / Pejabat Kewangan Persekutuan (Sabah/Sarawak) dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan, Pengarah syarikat / Penama yang ada di dalam sijil ataupun Wakil Kontraktor yang sah sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak.
3. Penjualan dokumen tender hanya akan dibuat kepada kontraktor yang telah hadir ke sesi taklimat tender atau wakil sah kontraktor dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa dan sijil-sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera. Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan)
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Ibu Pejabat Lembaga Koko Malaysia, Tingkat 7, Wisma SEDCO, Beg Berkunci 211, 88999 Kota Kinabalu, Sabah. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama "**Lembaga Koko Malaysia**". Wang Tunai dan cek tidak diterima. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) serta Sijil Kontraktor Penyiap yang dikeluarkan oleh KKR beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berakiri dan dikembalikan tidak lewat daripada tarikh tutup tender yang ditetapkan iaitu pada **23 JANUARI 2024 JAM 12:00 TENGAH HARI** ke alamat: -

Ketua Pengarah
(PETI TAWARAN TENDER)
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
Lembaga Koko Malaysia,
Tingkat 5, 6 & 7, Wisma SEDCO, Beg Berkunci 211,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: +6088 206 400
(<http://www.koko.gov.my>)

6. Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
7. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali. **Lembaga Koko Malaysia** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.